



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KARNIVAL HARI WARGA EMAS WPKL 2023 PACU KOLABORASI STRATEGIK KERAJAAN DAN SWASTA DEMI PERKASA WARGA EMAS

KUALA LUMPUR, 21 OKTOBER 2023 – YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Karnival Hari Warga Emas Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2023 yang di adakan di Dataran Titiwangsa, Taman Tasik Titiwangsa Kuala Lumpur. Karnival anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKMWPKL) dengan kerjasama Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah sempena Sambutan Hari Warga Emas yang disambut pada 2 Oktober setiap tahun.

Menyokong tema Hari Warga Emas “**Memartabat Hak Warga Emas: Merentas Generasi**” karnival ini menjadi platform kolaborasi strategik dan manifestasi kerjasama multisektoral antara Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat koporat dalam menyokong usaha meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas seiring dengan pembangunan negara.

Karnival ini diadakan bagi menghargai sumbangan warga emas terhadap kemajuan dan kemakmuran negara serta membina masyarakat penyayang. Karnival ini menggabungkan 11 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta dua (2) buah Kelab Warga Emas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (KEWE). Pelbagai aktiviti melibatkan warga emas seperti senaman, pemeriksaan kesihatan, forum berkaitan warga emas, saringan demensia percuma dan pertandingan-pertandingan yang menjurus kepada pemerksaan warga emas aktif dan kreatif. Seramai lebih 600 warga emas mengambil bahagian dalam pelbagai acara sepanjang karnival ini.

Malaysia dijangka akan mencapai status negara tua atau “*aged nation*” pada tahun 2030 apabila 15% daripada jumlah penduduk adalah merupakan warga emas. Merujuk kepada Data Banci Penduduk dan Perumahan 2020, peratusan penduduk Malaysia berumur 60 tahun dan ke atas meningkat daripada 8% (2 juta) pada tahun 2010 kepada 10.4% (3.4 juta) pada tahun 2020. Malaysia mencatatkan peningkatan jangka hayat kepada 75.6 tahun pada tahun 2020 berbanding 63.6 tahun 1970.

Tindakan secara proaktif adalah perlu bagi memastikan kesejahteraan kumpulan sasar melalui penyediaan perkhidmatan kebajikan kepada warga emas diantaranya adalah Kerajaan telah membangunkan Pangkalan Data Berpusat Warga Emas (eWE) dan pemerkasaan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Bertepatan dengan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara (PTWEN), jelas membuktikan komitmen kerajaan dalam memberi perhatian mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat dan dihormati.

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berharap inisiatif Konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama” dapat menggalakkan kerjasama strategik Kerajaan dengan sektor korporat dan syarikat swasta. KPWKM amat mengalu-alukan pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi meningkatkan perkhidmatan sokongan kepada warga emas di negara ini

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
21 OKTOBER 2023**